

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 14 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB. Datin Mastura Binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah cadangan-cadangan promosi baru yang akan dibuat bagi menarik pelancong asing ke Tahun Melawat Malaysia 2020.

23

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa menjalankan pelbagai acara, program dan aktiviti promosi bagi menggalakkan pelancongan di Malaysia.

Pihak Kementerian akan mempromosikan dan menjayakan sejumlah 165 program dan acara-acara pelancongan untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2020 dimana:-

- i. Di peringkat Ibu Pejabat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sebanyak 16 acara dalaman;
- ii. Di peringkat pejabat Negeri, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dan Tourism Malaysia (TM) sebanyak 48 acara;
- iii. Di peringkat TM dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, sebanyak 50 acara; dan
- iv. Sebanyak 51 acara lagi oleh badan-badan pelancongan seperti Sabah Tourism Board, Sarawak Tourism Board, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Penang Global dan Perbadanan Putrajaya (PPJ).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui TM juga giat menjalankan pelbagai aktiviti promosi program-program dan acara pelancongan di peringkat domestik dan antarabangsa. Antara aktiviti /program yang dijalankan di peringkat domestik adalah seperti,

- i. Menggunakan pendekatan 'Cuti-Cuti 1 Malaysia Dekat Je' serta mempromosikan risalah '1001 Pakej CC1M' yang menawarkan pakej-pakej pelancongan baru;
- ii. Menyertai pameran-pameran pelancongan seperti MATTA Fair untuk jualan pakej-pakej pelancongan domestik;
- iii. Meneruskan kempen pengiklanan dan promosi melalui media cetak, media elektronik dan media sosial;
- iv. Bekerjasama dengan pengusaha pelancongan bagi mempromosikan acara-acara pelancongan; dan
- v. Menganjurkan program *Corporate Travel Bazaar* untuk menggalakkan pihak korporat serta syarikat multinasional mengadakan lawatan insentif dalam negara.

Manakala bagi peringkat antarabangsa pula, TM akan menyertai pelbagai pameran dan misi galakan pelancongan untuk mempromosikan

117

Tahun Melawat Malaysia 2020 di beberapa pasaran antarabangsa seperti berikut:

- i. ASEAN Tourism Forum (ATF) di Quang Ninh pada Januari 2019;
- ii. South Asia Travel & Trade Exhibition (SATTE) di India pada Januari 2019;
- iii. International Tourisme Borse (ITB) di Berlin pada Mac 2019;
- iv. Arabian Travel Market 2019, Dubai, UAE pada April 2019;
- v. World Travel Fair (WTF) di Guangzhou pada Mei 2019;
- vi. Korea World Travel Fair (KOTFA) di Seoul pada Jun 2019;
- vii. Travel Expo (ITE HCMC) di Ho Chi Minh City pada September 2019;
- viii. JATA Tourism Expo Japan di Tokyo pada September 2019;
- ix. World Travel Mart (WTM) di London pada November 2019;
- x. Taipei International Travel Fair di Taipei pada November 2019; dan
- xi. China International Travel Mart (CITM) di Kunming pada November 2019

Misi jualan juga diadakan di pelbagai pasaran terpilih untuk mempromosikan pelancongan negara serta promosi juga dibuat ke bandar kedua dan ketiga bagi menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Disamping program-program yang dinyatakan tadi, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensi-agensinya juga akan melancarkan kempen pengiklanan domestik dan antarabangsa yang

merangkumi semua jenis media cetak, elektronik, media luaran 'Billboard' dan 'New Media', khususnya digital dan *online*.

Program suai kenal produk iaitu 'Mega Familiarisation (MEGA FAM)' akan diteruskan dengan membawa pengusaha-pengusaha pelancongan, penerbit-penerbit rancangan television, wartawan dan 'blogger' antabangsa untuk bekerjasama dalam menjual pakej-pakej menarik dan membuat liputan ke atas acara yang dijalankan.

Sekian, terima kasih.